

'Jangan buat kenyataan boleh pecah-belahkan parti'

UM 26 AUG 1985

KUALA LUMPUR 25 Ogos — Para pemimpin MCA semua peringkat hari ini diseru supaya jangan mengeluarkan kenyataan umum yang boleh menaikkan emosi dan memecah-belahkan parti.

Setiausaha Agung MCA (puak Mak Hon Kam), ~~Datuk Dr. Tan Tiong Hong~~ berkata, langkah itu ~~perlu untuk~~ mengembalikan keyakinan masyarakat Cina kepada maruah dan kewibawaan

MCA.

Dalam kenyataannya hari ini, beliau berkata, matlamat itu boleh dicapai jika semua pihak bekerjasama berusaha menentukan pemilihan parti selesai dalam tempoh 99 hari itu.

Datuk Dr. Tan berkata demikian sebagai mengulas kenyataan orang kuat puak Tan Koon Swan. Datuk Dr. Lim Liang Sik semalam yang berkata peributan untuk jawatan presiden MCA kini terbuka juga kepada Encik Tan.